

KHUTBAH KHAS AIDILFITRI

“NIKMAT SYAWAL: TANDA KESYUKURAN DAN KEMENANGAN” (01 Syawal 1447H)

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،

لَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي اَكْرَمَنَا بِنِعْمَةِ الْاِسْلَامِ، وَفَضَّلَنَا عَلَى كَثِيْرٍ مِنَ الْاُمَمِ.

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ

وَمَنْ اهْتَدَى بِهَدْيِهِ.

اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ اُوْصِيْ نَفْسِيْ وَاِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللهِ

وَطَاعَتِهِ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Pada pagi yang mulia ini, kita menyambut Hari Raya Aidilfitri, hari kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya menunaikan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan. Kemenangan ini bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi kemenangan menundukkan hawa nafsu serta mendidik jiwa menjadi insan yang lebih bertaqwa kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Pada hari yang penuh keberkatan ini, kita memperbanyakkan takbir,

tahmid dan tahlil sebagai tanda membesarkan Allah *subhanahu wata'ala* serta mensyukuri nikmat yang dikurniakan-Nya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 185:

... يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا
اللَّهُ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (١٨٥)

Maksudnya: ... (Dengan ketetapan demikian) Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya (sebulan Ramadan), dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu semoga kamu bersyukur.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Syawal mengingatkan kita kepada beberapa nikmat besar yang Allah *subhanahu wata'ala* kurniakan kepada kita.

Pertama: Nikmat iman dan Islam.

Inilah nikmat yang paling agung kerana dengannya kita mengenal Allah *subhanahu wata'ala*, melaksanakan ibadah dan menjalani kehidupan berlandaskan syariat-Nya.

Kedua: Nikmat kesihatan dan umur.

Tidak semua orang diberi peluang untuk bertemu Ramadan dan seterusnya menikmati Syawal. Maka peluang kehidupan ini hendaklah digunakan untuk terus beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: Nikmat ukhuwah dan silaturahmi.

Aidilfitri adalah masa terbaik untuk bermaaf-maafan dan mengeratkan hubungan sesama keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu*, beliau telah mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ))

Maksudnya: Sesiapa yang suka dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, hendaklah dia menyambung silaturrahim.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Aidilfitri bukan sekadar perayaan dengan pakaian baharu, kepelbagaian kuih muih dan juadah yang tersedia atau saling mengunjungi semata-mata antara sanak saudara dan sahabat handai. Malah Aidilfitri adalah hari untuk mensyukuri nikmat kurniaan Allah *subhanahu wata'ala* hasil daripada didikan sepanjang Ramadan iaitu hati yang bersih, jiwa yang taat kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam* taufiq untuk meninggalkan dosa dan maksiat.

Islam juga mengajar umatnya supaya bersederhana dalam berbelanja dan menjauhi pembaziran, termasuk ketika menyambut hari raya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Isra', ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ ۚ كَفُورًا (٢٧)

Maksudnya: *Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya.*

Oleh itu, umat Islam hendaklah mengurus kewangan dengan bijaksana, tidak berbelanja secara berlebihan sehingga menimbulkan kesusahan dan hutang selepas hari raya.

Ramadan telah mendidik kita dengan sifat sabar, qana'ah dan kesederhanaan. Nilai-nilai ini sepatutnya diteruskan dalam kehidupan seharian termasuk dalam mengurus rezeki dan harta. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Furqan, ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا (٦٧)

Maksudnya: *Dan mereka (yang diredai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak pula bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Di saat kita bergembira menyambut Syawal dalam keadaan aman dan selesa, kita juga perlu mengingati bahawa masih ramai saudara seagama kita di beberapa tempat di dunia yang menghadapi penderitaan akibat peperangan dan penindasan. Ada yang kehilangan keluarga, kehilangan tempat tinggal, malah kekurangan makanan dan ubat-ubatan. Oleh itu, nikmat keamanan dan rezeki yang kita peroleh hendaklah disyukuri dengan cara membantu mereka yang memerlukan melalui doa, sumbangan dan bantuan

kemanusiaan. Daripada an-Nu'man bin Basyir *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

« مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى »

Maksudnya : *Perumpamaan orang mukmin itu dari segi kasih-sayang, belas kasihan dan simpati sesama mereka adalah seperti satu jasad. Apabila salah satu anggota badannya merasa sakit, maka seluruh tubuh akan merasainya dengan berjaga malam dan demam.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Semoga kita menjadi umat yang sentiasa prihatin terhadap nasib saudara seagama di mana jua mereka berada.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 148 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٤٨)

Maksudnya : *Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk*

menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَ لِلّٰهِ الْحَمْدُ.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيْرًا كَمَا اَمَرَ، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ،
وَ اَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَ عَلٰى اٰلِهِ وَ اَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ.

اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ، اُوْصِيْكُمْ وَ اِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُوْنَ.

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَ لِلّٰهِ الْحَمْدُ

Para Tetamu Allah yang dimuliakan!

Marilah kita bersama-sama menghidupkan suasana Aidilfitri ini dengan amalan ziarah-menziarahi terutamanya terhadap kedua ibu bapa, sanak saudara dan sahabat handai. Leraikanlah segala kekeruhan dengan bermaaf-maafan bagi mengukuhkan lagi persaudaraan, kasih sayang dan perpaduan sesama kita.

Sesungguhnya, sambutan hari raya dalam Islam adalah ibadah. Maka kita hendaklah berusaha supaya kegembiraan dalam berhari raya tidak sesekali bercampur-aduk dengan perkara-perkara berbentuk maksiat dan pembaziran. Jagalah batas aurat dalam berpakaian dan adab dalam pergaulan. Elakkan daripada menyakiti orang lain dengan alasan sekadar gurauan atau membuat kandungan di media sosial.

Marilah kita raikan kegembiraan dengan cara yang sederhana terutamanya dalam menjamu selera, dan menyediakan juadah untuk rumah terbuka dan sebagainya.

Akhirnya, setelah bergembira merayakan Aidilfitri, bersama-samalah kita teruskan semangat Ramadan dengan melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal. Daripada Abu Ayyub al-Ansari *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda :

«مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ»

Maksudnya : Sesiapa yang berpuasa Ramadan, dan diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin dan di Asia Barat. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan

dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.